



فجابه ستياوسها كراجان نكري كلتن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN

NEGERI KELANTAN

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BLOK 2, ARAS 1, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15503 KOTA BHARU
KELANTAN

Tel : 09-748 1957
Pengarah : 09-748 5826
Faks : 09-747 0890 /
747 4152 / 748 2652
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: JKP (KN) SULIT 32 JLD.4/②
Bertarikh: 19 Syawal 1445H bersamaan
28 April 2024M

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

**Semua Ketua Pengurusan
Pihakj Berkuasa Berkanun Yang Berkenaan**

**Semua Ketua Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN
BAGI JAWATAN PEGAWAI TADBIR NEGERI GRED N41/N44(FLEKSI) KE GRED N44**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pengerusi Jumaah Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bagi Jawatan Dalam Kumpulan Pengurusan Dan Professional Gred 44 Hingga Gred 52 Dan Kumpulan Pelaksana Gred 32 hingga Gred 40 Di bawah Sistem Saraan Malaysia telah bersetuju untuk mengadakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan Pegawai Tadbir Negeri Gred N41/N44(Fleksi) Ke Gred N44.

3. Sehubungan dengan itu, YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, dimohon untuk mengemukakan maklumat pegawai/ kakitangan yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1 Wajaran LNPT sebanyak 85 % bagi tiga (3) tahun terkini (2021, 2022 dan 2023);
- 3.2 Bebas daripada hukuman tatatertib;
- 3.3 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 3.5 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 3.6 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM"



4. Iklan bagi urusan kenaikan pangkat ini akan **DIBUKA MENERUSI SISTEM E-KP** iaitu <https://ekp.kelantan.gov.my/> sebagaimana hebahan yang telah dikeluarkan no. rujukan: **JKP (KN) SULIT 32 JLD.4/(71)** bertarikh **01 November 2023**. Bagi memastikan kelancaran urusan kenaikan pangkat ini, pegawai/ kakitangan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua maklumat perkhidmatan dalam sistem E-KP sama seperti yang tercatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai.

5. Permohonan dan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai/ kakitangan di bawah seliaan YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, hendaklah dimuat naik kembali dan di hantar **sebelum atau pada 12 Mei 2024**.

6. Sehubungan dengan itu, menjadi tanggungjawab jabatan **untuk memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat**. Jabatan juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh jabatan akan menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** tidak akan diproses.


7. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | |
|-------|-------------------------------------|-----------------------|
| (i) | Puan Diana Melati binti Mohamed | 09-7481957 (ext 2102) |
| (ii) | Cik Nurul Syahirah binti Ibrahim | 09-7481957 (ext 2105) |
| (iii) | Puan Siti Noor Zurainee binti Yahya | 09-7481957 (ext 2149) |

8. Di atas kerjasama pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD ZAKI BIN YUSOFF)
Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Merangkap Setiausaha
Jumaah Kenaikan Pangkat
Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan